

**DIKIR LABA : KONSEP, ASAL USUL, SEJARAH PERKEMBANGAN
DAN FALSAFAH**

HELMI BIN HUSSIN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2007

**DIKIR LABA : KONSEP, ASAL USUL, SEJARAH PERKEMBANGAN
DAN FALSAFAH**

HELMI BIN HUSSIN

**KERTAS PROJEK INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT
UNTUK MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**FAKULTI BAHASA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2007

PENGAKUAN

Saya mengaku kertas projek ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

02. 03. 2007.

.....
HELMI BIN HUSSIN
20051000012

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Swt. kerana dengan limpah dan kurniaNya dapatlah saya menyempurnakan kertas projek ini dengan selamat. Sesungguhnya kertas projek ini tidak akan dapat disiapkan tanpa batuan daripada semua pihak. Oleh itu, saya amat terhutang budi kepada semua yang turut membantu bagi menyiapkan kajian ini.

Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan terima kasih kepada pihak yang terlibat dalam menyiapkan kajian ini, terutama sekali kepada pensyarah penyelia kajian dan juga sebagai Penasihat Akademik iaitu Dato' Mohd Rosli Saludin yang banyak memberi bantuan dan tunjuk ajar dari awal sehingga kajian ini dapat disiapkan. Tunjuk ajar dan bimbingan yang diberikan ini akan kekal menjadi ingatan. Semoga Allah Swt. akan membalas dengan rahmatNya yang tak terhingga di atas jasa yang tuan curahkan.

Penghargaan juga ditujuikan untuk semua pensyarah Jabatan Kesusasteraan Melayu yang telah banyak mencurahkan ilmu dan perangsang sepanjang saya menuntut di sini. Terima kasih juga kepada Pihak Perpustakaan Universiti Sultan Idris, Perpustakaan Negeri Kelantan dan semua pihak yang banyak membantu dalam mendapatkan bahan rujukan. Saya juga merakamkan rasa terhutang budi dan terima kasih kepada semua rakan-rakan yang turut membantu memberi sumbangan dan buah fikiran. Jasa dan sumbangan kalian tetap menjadi kenangan abadi.

Akhir sekali, ucapan terima kasih istimewa buat ayahanda tercinta, isteri dan anak-anak tersayang yang sentiasa bersabar dan memahami perjuangan ini. Terima kasih di atas segala pengorbanan yang diberi.

Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

Kajian ini merupakan satu kajian dalam bidang puisi Melayu tradisional iaitu puisi *Dikir Laba*. Puisi ini dikelompokkan dalam kumpulan genre dikir atau zikir iaitu salah satu genre puisi Melayu tradisional (Harun Mat Piah : 1989). Dalam menyiapkan kajian ini, pengkaji menggunakan *Teori Sosiologi Sastera* sebagai landasan kajian. Selain itu, untuk mendapatkan sumber maklumat tentang *Dikir Laba*, pengkaji turun ke lapangan iaitu ke tempat atau lokasi dikir ini amat popular pada tahun 1920-an sehingga sekarang. Pengkaji mendapat penjelasan daripada sumber pertama tentang *Dikir Laba* dengan membuat pemerhatian dan temubual tokoh-tokoh lama dan baru yang masih bergiat cergas serta berperanan mempopularkan dikir ini dari tahun 1930-an hingga sekarang. Pengkaji turut merujuk kepada hasil kajian yang telah sedia ada iaitu berdasarkan kajian-kajian sebelum ini sebagai sumber sokongan kajian. Penekanan khusus genre puisi tradisional ini adalah untuk melihat aspek-aspek penting yang meletakkannya sebagai sebuah genre yang unik dalam masyarakat Melayu Kelantan. Kajian dan perbincangan tertumpu kepada konsep, asal usul, sejarah perkembangan dan daerah penyebarannya, latar belakang masyarakat dan falsafahnya dalam masyarakat dari dahulu sehingga sekarang. Diharapkan hasil kajian ini mampu menjadi salah satu sumber rujukan para pengkaji puisi tradisional selepas ini untuk mengenal dan melihat definisi, asal usul, sejarah perkembangan dan falsafah yang disumbangkan kepada masyarakat pengamalnya.

ABSTRACT

This is a research in the field of Malay traditional poem called *Puisi Dikir Laba*. The poem is categorized into the *dikir* or *zikir* genre which is one of the major general in the Malay traditional poem (Harun Mat Piah : 1989). This research is done based on the Literature Sociological Theory. To attain sources of information, the researcher made his way to the popular “dikir” location since 1920s until today. The researcher attained his first hand resources from observations and interviews with old and young *Dikir Laba* experts who are at present active in the field as it was popularized since 1930s. The researcher also take into consideration available resources. The aim of this research is to see the crucial aspect that acknowledge this traditional poem as a unique genre in the Malay community in Kelantan. The aim of the research and discussion are mainly about the concept, the foundation of the poem, the history of its expansion and how it spread about in certain status. The research goes on to discuss about the background of the community and his philosophy in the Malay community of those days until today. It is the wish of the researcher that this research will become a research resources for the other researchers to know the definition, foundation, history of expansion and philosophy that were contribute to the community practicing this traditional poem.

KANDUNGAN

	Halaman
JUDUL	i
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
BAB 1 PENDAHALUAN	
1.1- Pengenalan	1
1.2- Latar Belakang Kajian	4
1.3- Pernyataan Masalah Kajian	8
1.4- Persoalan Kajian	11
1.5- Kepentingan Kajian	12
1.6- Batasan Kajian	12
1.7- Kesimpulan	13
BAB 2 KAJIAN LITERATUR	
2.1- Pengenalan	14
2.2- Ringkasan Buku Kajian Literatur	15
2.3- Kesimpulan	27


BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1-	Pengenalan	29
3.2-	Teori Sosiologi dan Perkaitan dengan Dikir Laba	30
3.2.1-	Sejarah Perkembangan Teori Sosiologi	31
3.2.2-	Konsep Teori Sosiologi	34
3.2.3-	Bentuk dan Ciri-ciri Teori Sosiologi	38
3.2.4-	Pengaruh Teori Sosiologi dalam Karya Sastera	40
3.2.5-	Kesimpulan	45
3.3-	Sampel Kajian	47
3.4-	Pengumpulan Data / Dapatan	48
3.5-	Jangka Masa Kajian	49
3.6-	Kekangan Kajian	50
3.7-	Kesimpulan	51

BAB 4 ANALISIS KONSEP, ASAL USUL, SEJAFAH PERKEMBANGAN DAN FALSAFAH DIKIR LABA

4.1-	Pengenalan	52
4.2-	Definisi Puisi Tradisional Melayu	
4.3-	Definisi Dikir	55
4.4-	Definisi Dikir Laba	58
4.5-	Asal Usul Dikir Laba	60
4.6-	Sejarah Perkembangan Dikir Laba	65
4.7-	Puisi-puisi Dikir Laba	71

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS	UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
4.8-	Masyarakat Pengamal Dikir Laba		78
4.8.1-	Latar Belakang Masyarakat		79
4.8.2-	Susun Lapis Masyarakat Melayu Kelantan		80
4.8.3-	Latar Belakang Pendidikan Masyarakat pada Zaman Kegemilangan Dikir Laba		82
4.8.4-	Kepercayaan Masyarakat kepada Kuasa Luarbiasa (Spiritual)		86
4.8.5-	Loghat Daerah Kelantan		87
4.8.6-	Fahaman Politik Masyarakat Kelantan		88
4.9-	Falsafah Genre Puisi Dikir Laba		89
4.9.1-	Gambaran Pemikiran Masyarakat Melayu Kelantan		90
4.9.2-	Sebagai Agen Perpaduan Masyarakat		91
4.9.3-	Sebagai Sumber Hiburan Masyarakat		92
4.9.4-	Sumber Pendidikan Informal Hidup Bermasyarakat		93
4.9.5-	Benteng Jati Diri dan Budaya Bangsa		95
4.10-	Kesimpulan		96
BAB 5	RUMUSAN DAN CADANGAN		
5.1-	Pengenalan		98
5.2-	Rumusan Konsep, Asal Usul, Sejarah Perkembangan dan Falsafah Dikir Laba		99

RUJUKAN**LAMPIRAN A** : Jadual Pemerhatian dan Temubual**LAMPIRAN B** : Contoh Temubual dengan tokoh Dikir laba**GLOSARI**

BAB 1

PENDAHALUAN

1.1 Pengenalan

Kesusasteraan merupakan suatu gagasan atau satu cerminan hidup yang amat penting kepada kebudayaan masyarakat. Ia menjadi sumber penyempurnaan dan pelengkap kepada kehidupan manusia seharian. Penghasilan karya sastera jelas banyak mencerminkan nilai-nilai budaya dan falsafah yang dihasilkan oleh pencipta dan pengamalnya. Sastera Melayu tradisional seperti pantun, syair, dikir, teromba, gurindam, seloka, gurindam, dan cerita-cerita rakyat memulakan tradisi penerapan nilai-nilai budaya, falsafah dan pemikiran, serta kemanusiaan dalam masyarakat Melayu. Selepas itu, sastera Melayu moden melalui penulisan novel, cerpen, drama, dan sajak meneruskan kesinambungan tersebut dengan menerapkan nilai-nilai ini kepada masyarakat sehingga kini.

Dalam kebanyakan buku-buku kesusasteraan, ramai sarjana berpendapat kesusasteraan adalah segala hasil ciptaan manusia melalui bahasa yang bersifat seni. Sebagai hasil seni antara

ciri-cirinya yang utama ialah mengandungi unsur-unsur emosi, imaginasi dan budi.

Berpandukan unsur-unsur tersebut, para sasterawan menyampaikan pernyataan daripada fikiran, cita-cita dan impian manusia berkaitan dengan masyarakat dan dunia persekitarannya.

Harun Mat Piah (2000) beliau memetik, A. Bakar Hamid (1988) kesusasteraan adalah suatu seni yang bercorak intelektual atau falsafah tentang pemikiran. Sungguh pun ia seni tetapi ia tidak dapat dipisahkan daripada kegiatan intelek manusia. Media kesusasteraan adalah media ilmu pengetahuan. Dengan itu sebagai suatu seni ia dituntut memberikan kepuasan intelek dan pemikiran di samping kepuasan estetika atau keindahan.

Selain itu, M.K. Dazinger dan W.S. Johnson (1985:1) pula berpendapat, kesusasteraan merupakan seni yang menggunakan kata-kata tanpa menghitung persoalan sama ada kata-kata itu tertulis atau sekadar diucapkan.

Rumusannya, melalui penghasilan kesusasteraan, terlihatlah kecenderungan pengarang terhadap hidup dan kehidupan, manusia dan kemanusiaan serta kebenaran dan kejujuran sebagai keindahan hidup yang bernilai dan bermakna. Kesusasteraan juga mempunyai nilai-nilai kehalusan, perasaan, intuisi, harapan, emosi dan lain-lain unsur jiwa yang berkait rapat dengan kehalusan dan sensitiviti jiwa manusia. Unsur-unsur kehalusan dan keindahan baik dari segi bentuk, isi, dan maknanya merupakan sifat utama kesusasteraan. Keadaan ini membezakannya dengan karya-karya bertulis yang bercorak diskriptif dan imformatif semata-mata. Dalam perkembangan kesusasteraan Melayu, ia dapat dilihat berdasarkan penggolongan di bawah;

- i- Kesusasteraan Melayu tradisional.
- ii- Kesusasteraan Melayu. Moden

Kesusasteraan Melayu tradisional terbahagi kepada dua bentuk pengucapan iaitu kesusasteraan lisan/rakyat dan kesusasteraan tulisan. Tajuk kajian yang dicadangkan oleh pengkaji iaitu berkaitan dengan *Dikir Laba* merupakan sebuah puisi Melayu tradisional yang dikelompokkan dalam kesusasteraan Melayu tradisional genre dikir.

Setakat ini, belum ada kajian peringkat ilmiah lengkap yang dibuat oleh para sarjana dalam bidang puisi Melayu tradisional tentang *Dikir Laba*. Puisi ini dikelompokkan dalam kumpulan genre dikir atau zikir iaitu salah satu genre utama puisi Melayu tradisional. Kenyataan ini dikeluarkan oleh para sarjana kesusasteraan Melayu tradisional tanah air terutamanya Harun Mat Piah dalam bukunya *Puisi Melayu Tradisional* (1989 : 529). Secara keseluruhannya, perbincangan dikir ini masih kabur kerana penekanan para pengkaji dalam menyelidik tentangnya belum menyeluruh. Contoh-contoh kajian yang pernah dibuat seperti yang disunting oleh Khoo Kay Kim (1997 : 53) dalam bukunya *Beberapa Aspek Warisan Kelantan II* hanya membicarakan secara ringkas perkembangan *Dikir Laba* di Kelantan dari tahun 1930-an hingga sekitar tahun 1990-an. Di dalam kedua-dua buku tersebut mereka hanya menyentuh secara umum tentang *Dikir Laba* tanpa disokong oleh kajian yang mendalam tentangnya.

Lantaran itu, dalam menyiapkan kajian ini, pengkaji akan memberi penekanan khusus tentang genre puisi tradisional ini untuk melihat aspek-aspek penting yang meletakkannya sebagai sebuah genre yang unik dalam masyarakat Melayu. Kajian dan perbincangan tertumpu kepada aspek asal usul, sejarah perkembangan dan daerah penyebarannya, kaedah ia dipersembahkan, dan falsafahnya dalam masyarakat Melayu dari dahulu sehingga sekarang.

Untuk memastikan hasil yang diperoleh melalui kajian ini boleh diterima sebagai sumber ilmiah, penulis telah turun ke lapangan iaitu ke tempat atau lokasi dikir ini amat popular dari tahun 1920-an sehingga sekarang. Pengkaji mendapat sumber pertama penjelesan tentang persoalan-persoalan ini dengan menemubual tokoh-tokoh lama dan baru yang masih bergiat cergas serta berperanan dalam mempopularkan dikir ini dari tahun 1930-an sehingga sekarang.

Selain itu, pengkaji turut merujuk kepada hasil kajian yang sudah sedia ada, iaitu berdasarkan kajian-kajian sebelum ini. Diharapkan hasil kajian ini mampu menjadi salah satu sumber rujukan para pengkaji puisi tradisional selepas ini untuk mengenal dan melihat definisi, asal-usul, sejarah perkebang dan falsafah yang disumbangkan kepada masyarakat pengamalnya.

1.2- Latar Belakang Kajian

Dikir laba ialah sejenis puisi Melayu tradisional yang dikelompokkan di dalam kumpulan puisi *Dikir* atau *Zikir*. Sebelum dibincangkan secara mendalam definisi dikir/zikir, pengkaji tertarik kepada beberapa pendapat tokoh sasterawan tentang maksud puisi tradisional iaitu untuk melihat dengan lebih jelas kedudukan *Dikir Laba* dalam kesusasteraan Melayu tradisional.

Perkataan puisi diambil daripada perkataan Belanda, iaitu *poestie* (Inggerisnya *poetry*) bermaksud karangan berangkap yang mementingkan persajakan, irama, senikata dan diksi. Mengikut Za'aba (1965 : 218), puisi ialah karangan berangkap khas, digunakan untuk melafaskan fikiran yang cantik dan bahasa yang indah, melukis kemanusiaan dan kecantikan

bahasa. Dengan gambaran yang cantik ini perkara yang dikatakan itu bertambah menarik pada hati orang yang mendengarnya.

Mengikut William Wordsworth (*Perface to the Lyrical Ballads: 1800*), puisi adalah pengucapan tentang perasaan ghairah yang imaginative, biasanya berentak dan berirama, merupakan pengucapan dan curahan perasaan yang kuat secara spontan dan diingatkan kembali dalam suasana yang tenang.

Rumusannya, puisi adalah barisan atau susunan kata-kata yang berangkap dan berentak iaitu berirama. Ia merupakan pengucapan perasaan dan mengandungi nilai-nilai pemikiran serta disampaikan dalam bahasa yang indah dan berkesan.

Dikir ialah salah satu daripada genre puisi Melayu tradisional. Ia berdiri sebagai sebuah genre di samping genre-genre puisi tradisional yang lain seperti pantun, syair, gurindam, rejang, endoi, rubai, nazam, masnawi, ghazal, berzanji, qit'ah, seloka, talibun, peribahasa, teromba, mantera. Menurut Harun Mat Piah (1989 : 526), dikir ialah puisi yang tak tentu bentuknya. Mengandungi baris-baris yang berturutan baik berangkap atau tidak, jika berangkap tidak tentu rangkap dan jumlah kata dalam sebaris, dalam baris tidak tentu barisnya. Pada asasnya bentuk dikir ada persamaan dengan talibun, nazam, dan bahasa berirama. Puisi ini tergolong dalam dikir/zikir kerana bersifat keagamaan yang memuji Allah dan Rasul atau sebahagian riwayat hidup Rasulullah SAW.

Menurut Harun Mat Piah (1989 : 528) lagi, puisi dikir juga merangkumi permainan-permainan kesenian yang sama asalnya, tetapi telah hilang unsur-unsur agamanya hingga

menjadi lebih dekat kepada hiburan seperti dikir laba, dikir barat, dikir rebana, dan dikir timur yang semuanya terdapat di negeri Kelantan.

Berdasarkan seni kata *Dikir Laba* jelas puisi ini berada dalam peringkat peralihan kerana ungkapan dan pemilihan kata-katanya terdiri daripada bahasa Arab yang betul dan bermakna, selain itu terdapat pula bahagian yang merupakan campuran Arab dan Melayu, kata-kata Arab yang tidak bermakna dan akhirnya bahasa Melayu yang baik dan bermakna. Tambah beliaulah lagi, kata-kata Arab yang digunakan dan isi keseluruhan suatu untai dikirnya tidak berunsur keagamaan seperti yang terdapat dalam marhaban dan berzanji atau dikir Nabi Allah.

Di sinilah timbul kelainan antara *Dikir Laba* dengan jenis dikir-dikir yang lain. Keunikannya terserlah pada sekitar tahun 1960-an dan 1970-an apabila dikir ini telah berjaya menyatukan umat Melayu Kelantan sehingga meredakan perbalahan masyarakat terutamanya dalam isu kafir-mengkafir, fitnah-mengfitnah dan sebagainya antara ahli Parti Islam Semalaysia (PAS) dan Parti Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO).

Masyarakat Melayu Kelantan pada era 1970-an pada dasarnya boleh bersatu dalam perkara lain seperti dalam aktiviti masyarakat. Mereka boleh bergotong royong, berderai, menjaga keselamatan kampung dan sebagainya untuk menjaga keharmonian hidup sekampung. Namun, dalam permasalahan agama masyarakat Kelantan pada masa itu amat sensitif terutamanya tentang pegangan fahaman politik mereka. Sebabnya, pada pandangan mereka aspek politik turut melibatkan soal akidah iaitu berkait langsung dengan pegangan agama. Lantaran itu, dalam soal amalan agama seperti sembahyang mayat, kenduri maulud, solat hajat, solat berjemaah, penyembelihan haiwan, nikah kahwin dan sebagainya mereka adakan secara berasingan. Keadaan bertambah buruk apabila golongan agama dari kedua-dua

parti ini saling bertelagah sehingga menimbulkan suasana perpecahan yang agak mencemaskan pada masa itu.

Dikir Laba telah berperanan sebagai alat pengimbang perpecahan di antara mereka kerana dalam satu keadaan yang dinyatakan tadi golongan agama saling berbalah antara satu sama lain, tetapi dalam masa yang sama mereka boleh bersatu dalam satu kumpulan *Dikir Laba* di kampung mereka. Bahkan golongan agama yang belajar di pondok-pondok inilah yang menjadi pelopor dan penggiat *Dikir Laba* di kampung-kampung. Dalam menjayakan aktiviti seni ini mereka bersatu dan bersepakat tanpa mengira fahaman politik yang mereka anuti. Keadaan ini yang kemudiannya mempercepatkan lagi proses penyatuan masyarakat Melayu Kelantan selepas bergabungnya Parti PAS dalam kerajaan Perikatan yang diterajui oleh Parti UMNO pada tahun 1974.

Di bawah ini diperturunkan sebuah puisi *Dikir Laba* yang biasa dipersembahkan oleh masyarakat Melayu Kelantan yang amat popular dalam tahun-tahun 1920-an hingga sekarang. Puisi ini berjudul *Ayo Seke*;

Ayo Seke

*Siapa yang pakai baju biru,
Yang duduk di situ,
Memandang aku
Hatiku merasa rindu.*

*Ayo seke, hei, biluhuma,
Bilaituma bithawal fu'adi,
Yasata 'ilafala.
Bitijarti,
Biluttulu biha wal tumala
Sakilal-alwa
Bawal gul mali, ra'al berana,
Ihla ghaura biwayal alayala,
Wayali waya ra'bi*

*Hai kuntum hail minal alal kunfal,
Wayu hu'ala'alami.*

*Wahai jika adik pandai menari,
Lenggok lenggang goyang-goyang kaki,
Kalau sudah tiada jalanlagi,
Tak sah tebeng wak sakit rasa sendi.*

(Harun Mat Piah : 1989)

Rangkap pertama dalam dikir di atas telah diambil daripada sebuah lagu Melayu yang agak popular sedikit masa dahulu. Dari segi bentuknya, ia ada ciri-ciri syair dan sajak bebas dalam seni kata lagu-lagu Melayu dalam tahun 50-an. Rangkap yang lain berbunyi seperti bahasa Arab tetapi tidak mempunyai makna sama ada dari segi perkataan mahupun kalimat. Hal ini akan dibincangkan dalam bab seterusnya secara mendalam.

1.3- Penyataan Masalah

Dikir ini merupakan salah satu genre puisi Melayu tradisional yang terkenal di negeri Kelantan suatu masa dahulu. Setakat ini belum ada lagi kajian secara khusus oleh para sarjana tentang definisi *Dikir Laba*, asal usul, bentuk, sejarah perkembangannya, dan falsafah yang tersirat di sebalik perkembangannya. Lantaran itu, kajian ini dilakukan adalah untuk melihat secara khusus definisi, asal usul, sejarah perkembangan dan falsafah yang terdapat di dalam puisi *Dikir Laba*.

Dikir Laba ialah sejenis puisi Melayu tradisional yang dikelompokkan di dalam kumpulan puisi dikir atau zikir. Menurut Harun Mat Piah (1989), dikir ialah puisi yang tak tentu bentuknya. Mengandungi baris-baris yang berturutan baik berangkap atau tidak, jika berangkap tidak tentu rangkap dan jumlah kata dalam sebaris, dalam baris tidak tentu barisnya.

Pada asasnya bentuk dikir ada persamaan dengan talibun, nazam, dan bahasa berirama. Puisi ini tergolong dalam dikir/zikir kerana bersifat keagamaan yang memuji Allah dan Rasul atau sebahagian riwayat hidup Rasullullah SAW.

Selain itu, menurut Harun Mat Piah, puisi dikir juga merangkumi permainan-permainan kesenian yang sama asalnya, tetapi telah hilang unsur-unsur agamanya hingga menjadi lebih dekat kepada hiburan seperti dikir laba, dikir barat, dikir rebana, dan dikir timur yang semuanya terdapat di negeri Kelantan.

Berdasarkan puisi *Dikir Laba* jelas puisi ini berada dalam peringkat zaman peralihan, iaitu selain daripada bahasa Arab yang betul dan bermakna, terdapat pula bahagian yang merupakan campuran Arab dan Melayu, kata-kata Arab yang tidak bermakna dan akhirnya bahasa Melayu yang baik dan bermakna. Tambah beliau lagi, kata-kata Arab yang digunakan dan isi keseluruhan suatu untai dikirnya tidak berunsur keagamaan seperti yang terdapat dalam marhaban dan berzanji atau dikir Nabi Allah.

Lantaran itu, dalam kajian ini pengkaji melihat kebenaran tentang definisi dikir dan *Dikir Laba* dengan lebih mendalam. Selain itu, pengkaji merungkai permasalahan asal usul *Dikir Laba*, sama ada benar dikir ini berasal dari zaman peralihan seperti yang didakwa oleh Harun Mat Piah dan sebab-sebab mengapa puisi ini banyak menggunakan istilah yang bunyinya seperti bahasa Arab tetapi sebenarnya tidak mempunyai makna.

Dikir Laba belum lagi dibuat kajian secara ilmiah oleh mana-mana pengkaji puisi tradisional tanah air, maka genre ini tidak dikenali oleh masyarakat, sedangkan ia merupakan salah satu genre puisi tradisional yang amat terkenal di kawasan Pantai Timur Malaysia

terutamanya negeri Kelantan. Lokasi penyebarannya turut meluas sehingga ke negeri Terengganu terutamanya daerah Besut, Setiu, dan Jertih. Begitu juga dengan di Selatan Thailand dikir laba turut tersebar di daerah Takbai hinggalah ke Pattani. Pengkaji berasa terpujikan untuk mengenengahkan dikir ini agar kewujudannya diketahui seluruh masyarakat Melayu. Sesungguhnya *Dikir Laba* memiliki sejarah tersendiri dan perkembangannya harus mendapat perhatian seluruh pencinta khazanah seni tanah air dan masyarakat.

Kehebatan *Dikir Laba* teserlah pada sekitar tahun 1960-an dan 1970-an apabila dikir ini telah berjaya menyatukan umat Melayu Kelantan sehingga meredakan perbalahan masyarakat terutamanya dalam isu kafir-mengkafir, fitnah-mengfitnah dan sebagainya antara ahli parti PAS dan UMNO.

Pengkaji amat tertarik dengan keunikan ini dan cara *Dikir Laba* berperanan dalam masyarakat. Sudah diketahui umum dikir ini tidak mempunyai makna dan di dalam bait-bait katanya dan secara keseluruhannya ia tidak menyelitkan apa-apa tema, persoalan mahupun pengajaran kepada pengamal dan pendengarnya. Namun permasalahannya mengapa dikir ini boleh diterima dan diminati oleh seluruh penduduk Kelantan pada masa itu sehinggakan mampu berperanan sebagai alat penyatuan masyarakat. Pada pendapat pengkaji, permasalahan dan rahsia ini perlu dicari dan dibongkarkan kepada masyarakat untuk melihat falsafah dan pemikiran yang terhasil daripada keunikan *Dikir Laba*.

Rumusannya, kajian ini dilakukan untuk melihat definisi dikir secara umum, difinisi *Dikir Laba*, sejarah perkembangan dan daerah penyebarannya dari dahulu sehingga sekarang. Di samping itu pengkaji akan mengali rahsia genre ini dari aspek asal usul, kaedah ia dipersembahkan, dan falsafahnya dalam masyarakat seperti yang telah dinyatakan di atas.

1.4- Persoalan Kajian

Dikir Laba merupakan genre puisi tradisional Melayu yang amat terkenal di kawasan Pantai Timur Malaysia terutamanya di negeri Kelantan. Lokasi penyebarannya turut meluas sehingga ke negeri Terengganu terutamanya daerah Besut, Setiu, dan Jertih. Selain itu, pengaruhnya juga turut melebar ke Selatan Thailand iaitu tersebar di daerah Takbai hinggalah ke Pattani. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk mengali rahsia genre ini dari aspek definisi, asal usul, sejarah perkembangan dan daerah penyebarannya, kaedah ia dipersembahkan, dan falsafahnya dalam masyarakat. Antara persoalan kajian ini ialah;

- i- Apakah definisi dikir dan *Dikir Laba*, asal usul *Dikir Laba* dari aspek pencipta, tempat asal kelahirannya, asal usul nama *Dikir Laba* itu sendiri, dan asal usul cara penciptaan rentak atau irama puisi ini dipersembahkan ?
- ii- Bagaimanakah sejarah perkembangan dan di mana daerah penyebaran *Dikir Laba* dari tahun 1930-an sehingga sekarang ?
- iii- Apakah falsafah-falsafah yang dimainkan oleh genre *Dikir Laba* dalam masyarakat dari dahulu sehingga sekarang ?

1.5- Kepentingan Kajian

Kajian ini diharapkan dapat mengenengahkan genre *Dikir Laba* sebagai sebuah puisi Melayu tradisional setanding dengan genre-genre puisi tradisional yang lain. Dengan adanya kajian ini

masyarakat akan lebih mengenali dan mencintai semula dikir ini sebagai satu khazanah bangsa yang seharusnya terus dipelihara keunikan dan perkembangannya. Pengkaji berharap dikir ini akan bangkit semula dan bernafas rancak dalam perkembangan puisi tradisional tanah air seperti tahun-tahun 1960 dan tahun 1970-an. Lebih-lebih lagi sekarang ini semua pihak termasuklah kerajaan negeri Kelantan dan kerajaan pusat melalui Kementerian Seni dan Warisan sedang berusaha menghidupkan semula semua kesenian dan kebudayaan bangsa agar tidak terus terkubur kesan peredaran masa dan pengaruh budaya asing. Dalam masa yang sama, pihak kerajaan turut mencari formula untuk menyatukan masyarakat Melayu Kelantan agar dapat bernaung di bawah satu bumbung pemerintahan kerajaan pusat seperti negeri-negri lain. Mereka sememangnya terkenal tebal dengan semangat kenegerian dan amat fanatik dalam soal kepartian. Kalaupun masalah itu tidak dapat diselesaikan sepenuhnya, sekurang-kurangnya mereka boleh bersatu di bawah bumbung seni dan kebudayaan. Di sini, pengkaji dapat merasakan *Dikir Laba* mampu berperanan dengan berganding bahu bersama unsur-unsur kesenian dan kebudayaan Kelantan yang lain seperti *mak yong*, *wayang kulit*, *main puteri*, dan sebagainya dalam Perkampungan Budaya yang telah ditubuhkan oleh pihak kerajaan pusat.

Selain itu, kajian ini diharapkan dapat dijadikan panduan dan garis panduan kepada para pencinta dan pengkaji puisi tradisional untuk mengenali dikir laba dengan lebih terperinci terutamanya daripada aspek definisi, asal usul, sejarah perkembangan, dan falsafahnya. Seterusnya, dapat menyelami peranan besar yang dimainkan oleh *Dikir Laba* dalam masyarakat Melayu Kelantan, seterusnya dapat memahami falsafah serta pemikiran sebahagian besar kelompok masyarakat yang unik ini.

1.6- Batasan Kajian

Kajian ini hanya akan menumpukan kepada genre *Dikir Laba* yang tersebar di negeri Kelantan sahaja. Dikir-dikir dan genre puisi tradisional lain tidak akan dibincangkan melainkan ada keperluan perbandingan ringkas, iaitu untuk melihat bentuk dan ciri-ciri *Dikir Laba* itu sendiri.

Sebahagian besar perbincangan dalam kajian ini adalah hasil pencarian dan pengkajian penyelidik sendiri. Namun, asas penyelidikan dan perbincangan bergerak selari dengan bahan-bahan kajian lepas dan teori sosiologi seperti yang akan diutarakan dalam bab-bab seterusnya.

1.7- Kesimpulan

Masyarakat Melayu sememangnya kaya dengan khazanah genre puisi tradisionalnya. Setiap genre itu mempunyai sejarah dan keistimewaannya yang tersendiri. Kita patut berbangga dengan apa yang kita miliki ini. Rasa sayang dan cinta kepada khazanah ini perlu diterjemahkan agar ia benar-benar terus hidup dan mendarahdagingkan dunia kesusasteraan dan keintelektualan Melayu. Kewujudan genre-genre ini menyimpan pelbagai rahsia yang perlu dibongkar untuk mencernakan gagasan jati diri bangsa agar ia tidak terus lupus ditelan zaman.

Menyedari hakikat bahawa genre-genre ini begitu bernilai, maka melalui kajian ini pengkaji mengambil tanggungjawab untuk menyelidik dan mengedeh rahsia salah puisi *Dikir Laba* iaitu satu genre puisi Melayu tradisional yang hampir lupus ditelan zaman. Seandainya ia tidak dikaji dan ditonjolkan semula nescaya dikir ini akan terus lenyap bersama-sama pengamalnya yang kini sebahagian besarnya sudah lanjut usia dan meninggal dunia.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1- Pengenalan

Telah dinyatakan sebelum ini, sehingga sekarang belum ada lagi kajian peringkat ilmiah lengkap yang dibuat terhadap *Dikir Laba*. Kenyataan ini telah dikeluarkan oleh banyak sarjana kesusasteraan tradisional Melayu tanah air terutamanya Harun Mat Piah Dalam Bukunya *Puisi Melayu Tradisional* keluaran Dewan Bahasa dan Pustaka (hal 529). Namun hasil pencarian pengkaji, terdapat sebuah buku yang disunting oleh Khoo Kay Kim (1997) bertajuk *Beberapa Aspek Warisan Kelantan II* telah membicarakan secara ringkas perkembangan *Dikir Laba* di Kelantan dari tahun 1930-an hingga sekitar tahun 1990-an. Di dalam kedua-dua buku tersebut mereka hanya menyentuh secara umum tentang *Dikir Laba* tanpa disokong oleh kajian yang mendalam tentangnya.